



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

---

**ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2011**

---

Semua Ketua Jabatan  
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Semua Ketua Pejabat Pemungut

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN  
SISTEM TERIMAAN WANG AWAM**

**1. TUJUAN**

Arahan ini bertujuan memberi garis panduan mengenai permohonan untuk mendapatkan kelulusan sistem terimaan wang awam berdasarkan kaedah terimaan yang telah dikenalpasti oleh Bahagian/Jabatan.

**2. LATAR BELAKANG**

Selaras dengan perkembangan semasa dan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam, Kerajaan telah mempelbagaikan cara pembayaran atau kaedah pungutan terimaan wang awam. Sebelum ini, hasil dan terimaan bukan hasil Kerajaan dipungut secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang dan bank draf melalui kaunter Bahagian/Jabatan. Sebagai alternatif, Kerajaan telah memperkenalkan kaedah kutipan secara *ePayment*, *online* dan melalui ejen kutipan bagi memudahkan orang awam melaksanakan pembayaran.

Bagi melaksanakan kepelbagaian kaedah pungutan terimaan wang awam, Kementerian/Jabatan perlu mewujudkan satu sistem terimaan wang awam yang komprehensif. Sistem yang dibangunkan oleh Kementerian/Jabatan perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Surat Arahan ini dikeluarkan kerana masih terdapat permohonan kelulusan sistem terimaan wang awam yang tidak lengkap dikemukakan oleh Bahagian/Jabatan Kementerian ini dan sistem terimaan wang awam yang digunakan tidak mendapat kelulusan daripada JANM. Garis panduan permohonan kelulusan sistem terimaan wang awam yang menyeluruh adalah perlu bagi membantu Bahagian/Jabatan untuk menyediakan dokumen permohonan yang lengkap dan seterusnya mempercepatkan proses kelulusan.

### **3. KUASA MELULUS SISTEM PERAKAUNAN KERAJAAN**

- 3.1 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138(a), Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah memberi kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia untuk meluluskan permohonan mewujudkan dan menambahbaik sistem perakaunan sedia ada. Sistem perakaunan yang terbaik akan memastikan segala terimaan wang dipungut serta diakaunkan dengan tepat dan betul serta mempunyai ciri-ciri kawalan dalaman bagi mengelakkan kehilangan wang awam akibat kecuai dan penipuan.
- 3.2 Bahagian/Jabatan perlu mendapatkan kelulusan reka bentuk sistem yang melibatkan perakaunan urusan kewangan daripada JANM sebelum mengemukakan permohonan kelulusan teknikal sistem kepada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian atau Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selaras dengan arahan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2010.
- 3.3 Semua permohonan kelulusan reka bentuk sistem hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Akaun Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk semakan sebelum dihantar kepada JANM.

#### 4. PEMBANGUNAN SISTEM TERIMAAN WANG AWAM

- 4.1 JANM telah membangunkan sistem eTerimaan pada tahun 2008 bagi menyeragamkan proses perakaunan pungutan. Sistem ini merupakan sistem pungutan hasil menyeluruh yang merangkumi pengeluaran resit, penyediaan penyata pemungut, pengemaskinian buku tunai cerakinan dan penyesuaian hasil secara elektronik.
- 4.2 Bahagian/Jabatan perlu memberi keutamaan kepada sistem eTerimaan sebelum mencadangkan sistem baru yang hendak dibangunkan bagi mengelakkan pembaziran sumber.
- 4.3 Jika sistem eTerimaan tidak sesuai digunakan di Bahagian/Jabatan, reka bentuk pembangunan sistem terimaan wang awam perlu disediakan sehingga proses pengeluaran resit sahaja. Bagi mengakaunkan urusan terimaan ini, maklumat resit hendaklah dimuat naik ke sistem eTerimaan.

#### 5. GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN SISTEM TERIMAAN WANG AWAM

- 5.1 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Sistem Terimaan Wang Awam yang disediakan bersama-sama dengan Surat Arahan ini meliputi:

Bab I	Pendahuluan
Bab II	Carta Aliran Proses Cadangan Pembangunan Sistem Terimaan Wang Awam
Bab III	Tatacara Permohonan Kelulusan Sistem Terimaan Wang Awam
Bab IV	Kawalan Dalaman Sistem Terimaan Wang Awam
Bab V	Kaedah Terimaan Wang Awam
Bab VI	Pekeliling/Surat Pekeliling Yang Berkaitan Dengan Pelaksanaan <i>ePayment</i>

## **6. PERMOHONAN KELULUSAN SISTEM TERIMAAN WANG AWAM**

- 6.1 Sebelum mengemukakan permohonan, Bahagian/Jabatan perlu mengenalpasti kaedah terimaan yang sesuai seperti yang diterangkan di dalam Bab V garis panduan.
- 6.2 Berdasarkan kepada kaedah terimaan yang telah dikenalpasti, Bahagian/Jabatan perlu menyediakan cadangan reka bentuk sistem terimaan wang awam.
- 6.3 Permohonan kelulusan reka bentuk sistem terimaan wang awam yang lengkap perlu dikemukakan kepada Bahagian Akaun KDN. Tatacara permohonan adalah seperti di dalam garis panduan di para 5.1 di atas.

## **7. KAWALAN DALAMAN SISTEM TERIMAAN WANG AWAM**

- 7.1 Bahagian/Jabatan perlu memastikan sistem terimaan wang awam yang dicadangkan mematuhi peraturan – peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- 7.2 Bahagian/Jabatan perlu mewujudkan kawalan dalaman di sistem terimaan wang awam merangkumi aspek keselamatan mengakses sistem, capaian ke modul-modul, kawalan dokumen, kawalan transaksi, jejak audit, sistem sokongan dan penyimpanan data sistem.

## **8. PENUTUP**


- 8.1 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia yang berkaitan.
- 8.2 Semua Bahagian/Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah mematuhi surat arahan ini dan garis panduan yang disediakan. Pematuhan kepada surat arahan ini akan dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Kementerian melalui sistem yang komprehensif berdasarkan piawaian yang ditetapkan.

9. **TARIKH KUAT KUASA**

Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini ditandatangani.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM)**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Dalam Negeri**

Tarikh : 14 Januari 2011

s.k. Akauntan Negara Malaysia

Timbalan Pengarah Audit Persekutuan  
Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri

Ketua Audit Dalam  
Kementerian Dalam Negeri